


ZAHIRKAN CINTA KEPADA RASULULLAH

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Ugama

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 14 Oktober. - Alunan-alunan dikir terus berkumandang di masjid-masjid, surau dan balai ibadat seluruh negara sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bagi menzahirkan kecintaan kita kepada Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam. Berikutan itu, pada malam yang kelapan ini, beberapa buah masjid, surau dan balai ibadat seluruh negara mengambil inisiatif dengan mengadakan Dikir Maulud sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam Bagi Tahun 1443H / 2021M secara dalam talian, yang dibawakan oleh petugas-petugas masjid dengan menyediakan pautan bagi Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid, jemaah, Muslimah, Belia Masjid dan Majlis Perundingan Kampung yang sering

bersama-sama melaungkan Dikir Maulud setiap kali acara tersebut diadakan, pada tahun-tahun sebelumnya. Antara masjid yang mengadakan acara tersebut ialah Masjid Omar 'Ali Saifuddin, Bandar Seri Begawan; Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Kampung Kiarong; Masjid Yayasan Sultan Haji Hassanil Bolkiah; Masjid Sultan Sharif Ali, Sengkurong; Masjid Kampung Belimbing Subok; Masjid Kampung Pulaie; Masjid Kampung Sungai Bunga; Masjid Kampung Perpindahan Mata-Mata, Gadong; Masjid Jefri Bolkiah, Kampung Batong; Masjid Pengiran Muda 'Abdul Mateen, Kampung Mulaut; Balai Ibadat Kampung Mata-Mata, Gadong; Surau Lapangan Terbang Antarabangsa, Berakas; Masjid Kampung Telisai; Masjid Kampung Penanjong; Masjid RPN Kampung Pandan; Masjid STKRJ Lorong 3 Seria; Masjid RPN Kampung

YANG Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara antara yang menyertai Dikir Maulud sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam Bagi Tahun 1443H / 2021M bagi beberapa buah masjid, surau dan balai ibadat seluruh negara yang diadakan secara dalam talian, iaitu pada malam yang kelapan (kanan dan bawah).



Rataie; dan Masjid Kampung Selangan.

Turut hadir bagi sama-sama menyemarakkan lagi alunan Dikir Maulud, pada malam tersebut, di Masjid Setia Ali, Pekan Muara, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman.

Sementara itu, di Masjid Kampung Kapok, turut hadir, Pemangku Pengarah Hal Ehwal Masjid, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Amir Hisham bin Haji Masri.

Majlis Dikir ini diadakan bagi meraih pahala berlipat ganda juga

ganjaran teristimewa dan syafaat bagi orang-orang yang berselawat ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam juga memohon keberkatan dan rahmat daripada Baginda jua, selain memupuk kesedaran juga keinsafan umat Islam dalam mengenang jasa dan pengorbanan Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam

menyebarkan agama Islam. Di samping itu, ia dihasrat untuk mewujudkan perpaduan juga komitmen petugas-petugas pegawai masjid dan orang ramai dalam melibatkan diri dalam pelbagai aktiviti keagamaan, yang dianjurkan, sekali gus menyemarakkan lagi Sambutan Maulud Nabi dengan Selawat dan Dikir Maulud.

Isu kekurangan pembayaran gaji ditangani

Siaran Akhbar : Kementerian Kewangan dan Ekonomi

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 15 Oktober. - Berikutan dengan tersebarnya maklumat mengenai dengan kekurangan ke atas jumlah separuh gaji pertama bagi bulan Oktober yang diterima oleh sebahagian daripada penjawat awam, setelah siasatan dibuat, Kementerian Kewangan dan Ekonomi dengan ini ingin memaklumkan bahawa terdapat *system glitch* ke atas pembayaran separuh gaji pertama bulan Oktober 2021 berkenaan.


Alhamdulillah, Jabatan Perbendaharaan bersama-sama dengan pembekal sistem telah dapat menangani isu berkenaan, dan InsyaaAllah pembayaran akan dibuat ke atas kekurangan bayaran gaji dalam masa terdekat melalui akaun masing-masing.

Seterusnya, Kementerian Kewangan dan Ekonomi juga akan memastikan bahawa perkara ini tidak akan berulang lagi dan berterima kasih kepada penjawat awam kerana memahami situasi ini.

Sebarang pertanyaan bolehlah menghubungi Pusat Perkhidmatan Pelanggan Jabatan Perbendaharaan menerusi talian +673 2383444 atau e-mel ke ppp@treasury.gov.bn atau ssm.helpdesk@dynamiktechnologies.com.bn.



15 pelajar UNISSA pelajari industri halal Malaysia



PARA pelajar jurusan Sarjana Muda Sains Halal, Pusat Penyelidikan Halalan Thayyiban yang diterima untuk mengikuti Program Pertukaran Pelajar di Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA Malaysia (Cawangan Shah Alam).

Nurhidayah Muhammad Hisham, termasuk Pensyarah-pensyarah daripada kedua-dua universiti.

Manfaat utama program pertukaran pelajar adalah untuk memberi pendedahan dan pengalaman kepada pelajar tempatan, khususnya pengetahuan mengenai industri halal di Malaysia.

Diharatkan melalui program pertukaran pelajar ini, ia akan menjadi satu platform untuk pelajar berkongsi ilmu pengetahuan dan pandangan dengan pelajar Malaysia, selain secara tidak langsung mempromosikan kepelbagaian budaya yang dimiliki oleh kedua-dua buah negara ini.

Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Islam Sultan Sharif Ali

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 14 Oktober. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) sebagai salah sebuah institusi pengajian tinggi tempatan dalam usaha mengukuhkan jalinan bersama institusi luar negara menghantar pelajar berprestasi terbaik bagi mengikuti program

pertukaran pelajar. Perkara ini juga sejajar dengan Misi UNISSA bagi melahirkan pemimpin bertakwa dan berwibawa yang menyumbang kepada pembangunan ummah melalui kecemerlangan akademik, penyelidikan dan khidmat masyarakat.

Seramai 15 pelajar jurusan Sarjana Muda Sains Halal, Pusat Penyelidikan Halalan Thayyiban diterima untuk mengikuti Program Pertukaran Pelajar di Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA Malaysia (Cawangan Shah Alam). Para pelajar akan mengikuti sesi pengajian dan pembelajaran secara dalam talian yang bermula

Oktober hingga Februari 2022.

Hadir dalam sesi Ta'aruf yang diadakan dalam talian tersebut, Pemangku Pengarah Pusat Penyelidikan Halalan Thayyiban, UNISSA, Profesor Madya Dr. Nurdeng Deuraseh dan Dekan Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA Malaysia (Cawangan Shah Alam), Profesor Madya Dr.